**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 20 OKTOBER 2017 (JUMAAT)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **The Star** | |
| - Not enough parking space in Taman Muda, say residents | 04 |
| **Berita Harian** | |
| - Sisa domestik, bangkai cemari sangkar 3R | 12 |
| **Utusan Malaysia** | |
| - Beri waktu surai kesesakan MRR2 | 30 |
| **Harian Metro** | |
| - TSC kukuh cengkaman | 53 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>20 OKTOBER 2017 (JUMAAT)** | |
|---|---|
| Akhbar | The Star |
| Tajuk Berita | Not enough parking space in Taman Muda, say residents |
| Muka Surat | 04 |

# Not enough parking space in Taman Muda, say residents

TS 20/10/17
NLS 04

TAMAN Muda residents want Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) to review the parking system in the Taman Muda commercial area because of the lack of parking bays available.

The number of motorists in the area which boasts several banks and the Taman Muda morning market has increased, resulting in traffic congestion.

Damaged or missing public phones are also becoming an eyesore.

Resident Chay Kok Leong, 52, said some of motorcyclists would park their motorcyles haphazardly.

"It is frustrating to see motorcycles take up parking bays meant for cars.

"Double-parking is rampant here and it is obstructing vehicles from passing through," said Chay.

Au Kin Wah, 67, urged MPAJ to look into the problems affecting the area such as lack of parking space and vandalism.

"The roads are riddled with potholes and there is uncollected rubbish," he said.

Pandan MCA chief Datuk Leong Kok Wee said the vandalised public phone booths should be removed.

"If the phone companies in charge are not committed in maintaining them, they should just remove them so more parking bays can be allocated," he said.

Leong added that it was high time the council reviewed the parking system as the existing bays can no longer cope with the daily traffic here in Taman Muda.



Leong (right) looking at the missing public pay phones with the residents

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR 20 OKTOBER 2017 (JUMAAT)** | |
|---|---|
| Akhbar | Berita Harian |
| Tajuk Berita | Sisa domestik, bangkai cemari sangkar 3R |
| Muka Surat | 12 |



# HALAMAN KOTA

**ADUAN PEMBACA**
Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke **bhnews@bh.com.my**

[FOTO NUR ADIBAH AHMAD IZAM/BH]




*Mohd Zain (kiri) bersama Mohd Feisal ketika melawat sangkar pengasingan bahan kitar semula di PPR Taman Mulia, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur, semalam.*




***Ali membersihkan sampah** pada sangkar 3R di PPR Taman Mulia, Bandar Tun Razak.*




***Ali bersama Shaharuddin (berdiri)** mengasingkan sampah pada sangkar 3R.*

# Sisa domestik, bangkai cemari sangkar 3R

Alam Flora dakwa segelintir masyarakat salah guna kemudahan

**Fakta nombor**

**1,151 UNIT**
sangkar 3R di seluruh Kuala Lumpur

**1.9 JUTA**
bahan kitar semula dikutip bagi tempoh 2 tahun di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Pahang

**Oleh Mohd Fharkhan Abdul Ghapar**
bhnews@bh.com

Cheras

"Banyak sisa makanan....malah pernah jumpa bangkai kucing," itu antara luahan pekerja am pengutip sampah Alam Flora Sendirian Berhad (Alam Flora), berhubung masalah penyalahgunaan sangkar khas kitar semula atau sangkar 3R di sekitar Kuala Lumpur.

Mereka mendakwa, sikap segelintir masyarakat yang tidak peka dan bertanggungjawab itu, menyukarkan petugas Alam Flora untuk menguruskan bahan pepejal kitar semula apabila bahan berkenaan bercampur dengan sisa domestik.

Biarpun sangkar berkenaan sudah mempunyai label kategori bahan dan arahan ringkas, namun segelintir masyarakat tidak bertanggungjawab mengabai pengasingan bahan kitar semua dengan betul.

Muhd Ali Rahim, 50, yang sudah berkhidmat bersama Alam Flora sejak 21 tahun lalu, berkata segelintir penduduk di beberapa kawasan perumahan sekitar Kuala Lumpur, gemar membuang sisa makanan ke dalam sangkar berkenaan.

**Sangkar sudah dilabel**

"Sangkar yang disediakan sudah dilabelkan mengikut kategori bahan, namun masih ada individu yang membuang sisa domestik seperti bahan makanan ke dalam sangkar ini.

"Akibatnya, sangkar dan bahan kitar semula di dalamnya menjadi kotor dan berbau, malah lebih teruk berulat,

"Pernah terjadi ketika menguruskan sangkar di kawasan Bangsar, saya terjumpa bangkai kucing yang dibuang ke dalamnya." katanya.

Pengalaman itu dikongsi Ali kepada *BH*, ketika lawatan melihat sistem pengasingan bahan kitar semula bersama Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora, Datuk Mohd Zain Hassan, di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Mulia dan Perumahan Awam Seri Kota, di sini, semalam.

Sangkar 3R adalah kemudahan kitar semula yang disediakan sejajar dengan pelaksanaan 'Pengasingan Sisa Pepejal di Punca' atau *Separation At Source* yang diperkenalkan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada September 2015.

Menerusi pelaksanaan itu, kerajaan mewajibkan pengasingan sisa pepejal isi rumah berdasarkan peraturan mengikut Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang berkuatkuasa mulai 1 September 2015.

Antara negeri terbabit adalah Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Kedah.

Rakan sekerja Ali, Shaharuddin Yaakob, 46, berkata ada penduduk yang membuang bahan ke sangkar yang salah dan tidak mengikut kategori ditetapkan.

"Bahan jenis kaca dibuang dalam sangkar kertas, yang kertas dimasukkan dalam sangkar plastik,

**Terpaksa asingkan sampah**

"Kami terpaksa menghabiskan masa yang lama untuk mengasingkan bahan yang sepatutnya sudah diasingkan," katanya

Menerusi inisiatif itu, jadual kutipan bahan kitar semula dilakukan sekali setiap minggu dengan menggunakan lari sampah jenis *open tipper*.

Sementara itu, Mohd Zain berkata, pihaknya turut menerima aduan berhubung penyalahgunaan sangkar berkenaan.

"Kita juga ada terima aduan daripada pekerja serta orang awam berhubung masalah ini. Perkara ini sepatutnya tidak berlaku kerana penduduk wajib mengasingkan bahan domestik dengan bahan kitar semula.

"Akibat berlaku salah guna fungsi sangkar berkenaan serta faktor lain, sebanyak 41 unit sangkar ditarik balik Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp).

**Masyarakat perlu peka**

"Masyarakat seharusnya lebih peka dan mematuhi arahan secara mengasingkan sisa buangan mengikut kategori yang ditetapkan iaitu kertas, bahan plastik dan lain-lain." katanya kepada *BH* ketika lawatan berkenaan.

Yang turut serta dalam lawatan itu termasuk Pegawai Pelawat Perumahan Seri Kota, Ismail Daud; Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Taman Mulia, Mohd Feisal Abdul Manaf dan Pengerusi Persatuan Penduduk Perumahan Awam Seri Kota, Norimah Mohamad.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR 20 OKTOBER 2017 (JUMAAT)** | |
|---|---|
| Akhbar | Harian Metro |
| Tajuk Berita | TSC kukuh cengkaman |
| Muka Surat | 53 |

>> Aiman tamatkan perlumbaan sejauh 110 kilometer dengan masa dua jam 39 minit 19 saat

HARIAN METRO

FOTO: OSMAN ADNAN

# TSC kukuh cengkaman

## Aiman menangi peringkat ketiga Tour of Selangor 2017



AIMAN dari TSC merai kemenangan di garisan penamat perlumbaan peingkat ke-3 Tour of Selangor.

Azlan Muhammad Zain
azlanmz@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Team Sapura Cycling (TSC) mengukuhkan cengkaman di Tour of Selangor 2017 selepas berakhirnya tiga peringkat perlumbaan, semalam.

Pasukan berstatus benua itu memenangi peringkat ketiga menerusi pelumbanya dari Indonesia, Aiman Cahyadi selepas Muhammad Zawawi Azman memenangi peringkat pertama, Selasa lalu.

Aiman menamatkan perlumbaan dari Shah Alam ke Pandan Indah sejauh 110 kilometer dengan masa dua jam 39 minit 19 saat dengan pelumba skuad kebangsaan, Sofian Nabil Omar Mohd Bakri kedua diikuti Saufi Mat Senan dari Sitra Kelantan Cycling Team, ketiga.

"Fokus hari ini mengekalkan jersi kuning yang dipakai Zawawi. Kami berjaya merapatkan jurang dengan empat pelumba yang melakukan pemecahan sejak awal apabila memasuki dua zon pendakian di Bukit Hantu dan Bukit Ampang.

"Mungkin kelebihan kepada kami kerana setiap hari sejak awal tahun menjalani latihan di sini dan cukup kenal dengan laluan ini. Jadi menghampiri puncak Bukit Ampang, saya melakukan kayuhan secara bersendirian meninggalkan kelompok besar dan tiada yang mengejar sekali gus secara solo melintasi garisan penamat," jelas pelumba berusia 24 tahun itu.

Ia juga kemenangan peringkat pertama baginya sebagai pelumba profesional sejak memulakan karier pada 2012.

"Rasa amat berbaloi dengan kemenangan ini kerana sudah lebih dua bulan tidak pulang ke Bandung berjumpa keluarga akibat jadual yang padat," tambahnya.

Rakan sepasukannya, Zawawi masih mengekalkan jersi kuning selaku pendahulu individu keseluruhan serta jersi pecut dan bukit.

TSC turut mendahului kategori pasukan terbaik keseluruhan apabila mengumpul 25.38:51s.